

Panjang tangga guna lutut ke kuliah

SERDANG: Pengorbanan terpaksa memanjat tangga bangunan tiga tingkat menggunakan lutut untuk menghadiri kuliah selama tiga tahun di Universiti Putra Malaysia (UPM) membuahkan kejayaan kepada pelajar orang kelainan upaya (OKU), Mohd Uzair Jaafar, 22, yang diraikan bersama 6,200 graduan pada Majlis Konvokesyen ke-36 UPM yang berlangsung selama tiga hari bermula semalam.

Graduan Ijazah Sarjana Muda (Sains dan Teknologi) Bioteknologi ini ternyata bersyukur dengan kejayaan itu selain beranggapan ia hadiah teristime-

wa buat ibu bapanya.

“Saya menyedari ‘kelebihan’ diri berbanding orang lain, justeru perlu bekerja keras demi masa depan.

“Kadangkala kuliah diadakan di bangunan lama UPM dan tiada kemudahan lif disediakan menyebabkan saya terpaksa memanjat tangga menggunakan lutut manakala kerusi roda pula dibawa teman sekelas.

“Pernah saya hampir berputus asa tapi apabila mengenangkan memiliki ijazah sudah menjadi cita-cita sejak kecil dan harapan mak ayah, saya kembali bangun. Sokongan daripada pensyarah dan teman menyemarakkan



BERJAYA... Mohd Uzair mendapat ciuman tahniah daripada ibu Rohani Ithman dan ayah, Jaafar Ismail.

lagi semangat,” katanya selepas menerima ijazah daripada Canselor UPM, Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, semalam.

Ditemani ibu bapanya, Mohd Uzair yang kini bekerja sebagai pembantu penyelidik mengakui kecacatan diperoleh sejak lahir bukanlah satu alasan mahupun halangan bagi golongan OKU sepertinya meraih kejayaan.

Sementara itu, atlet lompat bergalah negara, Roslinda Samsu yang juga menerima Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Jasmani bersyukur apabila pengajian tertangguh selama 10 tahun berakhir sejurus diiktiraf graduan UPM.

“Kesibukan mewakili negara dalam acara sukan dunia termasuk Sukan Komanwel, Olimpik mahupun Asia menyekat ‘perjalanan’ saya, ini tidak termasuk sesi latihan persediaan.

“Hampir 12 kali saya menanggung semester sejak 2002 tetapi syukur apabila hari ini (semalam), saya berjaya menamatkannya dengan cemerlang.

“Penghargaan dan ucapan terima kasih tidak terhingga buat ibu bapa dan jurulatih, tidak lupa kepada UPM yang memberi kelonggaran kepada saya sekali gus mengecapi kejayaan dalam pelajaran juga sukan,” katanya.